

**Mubarak Sokong Kenyataan Patuhi Perlembagaan Negara  
Bernama  
22 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) menyokong kenyataan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang supaya semua pihak termasuk pembangkang mematuhi tuntutan Perlembagaan yang menjadi teras dan payung kesejahteraan negara sejak merdeka.

Presidennya Tan Sri Abdul Aziz Rahman berkata semua pihak tidak perlu mempersoalkan atau melanggar Perlembagaan negara yang sudah sedia termaktub.

"Ini kerana kesejahteraan dan ketenteraman negara dahulu, kini dan selamanya berpaksaan konsep demokrasi Raja Berperlembagaan.

"Semua lapisan rakyat menganggap Raja-raja Melayu sebagai payung negara dan tumpuan taat setia yang tidak berbelah bagi hendaklah diikrarkan sesungguhnya," katanya dalam kenyataan di sini Rabu.

Beliau mengulas kenyataan Abu Zahar semalam yang menggesa Pengerusi DAP Kebangsaan Karpal Singh supaya menghormati Perlembagaan Persekutuan dan tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh mengelirukan rakyat.

Selain itu, Abdul Aziz berkata Mubarak turut menyambut baik hasrat Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang tidak lagi mahu memberi amaran sebaliknya mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951586>